



## MENTERI BESAR SELANGOR RASMI MAJLIS PENYERAHAN KUNCI RUMAH IDAMAN MELUR OLEH MGB

**SELANGOR, 3 Julai 2025** – Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB), anak syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Selangor di bawah seliaan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI), dengan kerjasama MGB Berhad (“MGB”), penyedia solusi perkhidmatan pembinaan dan pembangunan harta tanah, anak syarikat LBS Bina Group Berhad (“LBS”), mengadakan Majlis Penyerahan Kunci Rumah Idaman Melur di Cybersouth, Selangor.

Terletak di Cybersouth, Rumah Idaman Melur merupakan projek kedua daripada enam projek Rumah Idaman MBI oleh MGB, di bawah inisiatif Kerajaan Negeri Selangor untuk menawarkan kediaman mampu milik kepada rakyat Negeri Selangor di lokasi-lokasi strategik yang menawarkan aksesibiliti yang baik serta kemudahan serba lengkap.

Rumah Idaman Melur, sebuah pembangunan strategik menawarkan akses mudah ke pelbagai lebuh raya utama termasuk ELITE dan MEX. Dibangunkan di atas tanah seluas 12.07 ekar, projek ini merangkumi dua blok apartmen setinggi 23 tingkat dengan Nilai Pembangunan Kasar (GDV) dianggarkan sebanyak RM406 juta. Idaman Melur menampilkan sejumlah 1,448 unit kediaman yang dilengkapi dengan penyaman udara, peti sejuk, almari pakaian, kabinet dapur, televisyen, kabinet TV serta pemanas air. Projek ini turut dilengkapi dengan pelbagai kemudahan asas dan dikelilingi oleh kehijauan semua jadi yang menyumbang kepada suasana kediaman yang tenang dan harmoni.

Enam projek Rumah Idaman MBI yang merangkumi sejumlah 7,210 unit kediaman mampu milik ini dibina menggunakan Sistem Konkrit Tetuang (IBS) dan dibangunkan oleh Konsortium PNSB Construction Sdn Bhd, anak syarikat kepada PNSB, bersama MGB. Kesemua pembangunan Rumah Idaman MBI terdiri daripada unit kediaman bertingkat tinggi yang ditawarkan pada harga bermula RM250,000, dengan setiap unit menampilkan tiga bilik tidur dan dua bilik air berkeluasan binaan minimum 1,000 kaki persegi.

Majlis telah dirasmikan oleh YAB Dato’ Seri Amirudin Shari, Menteri Besar Selangor, dan turut disaksikan oleh tetamu kehormat, antaranya, YB Datuk Hajah Aiman Athirah Sabu, Timbalan Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Merangkap Ahli Parlimen Sepang, YB Datuk Borhan Aman Shah, Exco Perumahan dan Kebudayaan Negeri Selangor; YBhg. Dato’ Johary Anuar, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri bagi Pembangunan; YBhg. Dato’ Dr TPr. Dr. Juhari Ahmad, Pengarah Eksekutif LPHS; YBhg. Dato’ Ts. Saipolyazan Mat Yusop, Ketua Pegawai Eksekutif MBI; YM Raja Ahmad Shahrir Iskandar Raja Salim, Ketua Pegawai

## UNTUK SIARAN SEGERA

Eksekutif PNSB, YBhg. Tan Sri Dato' Sri Ir (Dr) Lim Hock San, Pengerusi Eksekutif Kumpulan LBS Bina Group Berhad; YBhg Datuk Wira Lim Hock Guan, Pengarah Urusan Kumpulan MGB Berhad, YBrs. Tuan Khairi Azali Ibrahim, Pegawai Daerah Sepang dan YBrs. Tuan Muhamad Shah Osmin, Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang.

Tan Sri Dato' Sri Ir (Dr) Lim Hock San, Pengerusi Eksekutif Kumpulan LBS Bina Group Berhad, berkata, "Kami berbangga dapat bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Selangor menerusi inisiatif Rumah Idaman MBI, satu inisiatif prihatin untuk menyediakan sehingga 30,000 kediaman mampu milik kepada rakyat Selangor. Kerjasama pintar antara sektor awam dan swasta ini mencerminkan komitmen bersama dalam menyediakan kediaman berkualiti, lengkap dengan kemudahan, dan mesra pengguna. Projek Rumah Idaman yang dibangunkan oleh MGB menggunakan teknologi konkrit pratuang IBS canggih yang dibangunkan secara dalaman, yang turut digunakan di peringkat antarabangsa, termasuk dalam projek kami di Jeddah, Arab Saudi bagi fasa pertama projek ROSHN Al-Arous. Kami berbesar hati untuk berkongsi bahawa permintaan tempahan sangat memberangsangkan, sekali gus mengukuhkan lagi focus MGB dalam segmen ini.

Idaman Melur telah mencatatkan skor QLASSIC yang cemerlang iaitu sebanyak 79%, menepati piawaian yang ditetapkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), sekali gus menetapkan penanda aras baharu dalam kecemerlangan pembinaan dan menegaskan komitmen kami terhadap kualiti. Hari ini amat bermakna bagi MGB apabila dapat menyerahkan kunci kepada para pemilik baharu kediaman Idaman Melur lebih awal daripada yang dijadualkan, meneruskan kejayaan susulan penyerahan awal projek Idaman BSP pada tahun 2024. Pencapaian ini menjadi bukti usaha berterusan kami dalam mengejar kecemerlangan sekali gus menyokong visi Selangor untuk membina 200,000 rumah mampu milik menjelang tahun 2028".

YM Raja Ahmad Shahrir Iskandar Raja Salim, CEO PNSB, berkata: "Kami amat berbangga dapat bekerjasama dengan MGB dalam projek perumahan mampu milik ini. Kerjasama ini bukan sahaja selari dengan komitmen kami dalam memperluaskan akses kepada perumahan, malah mencerminkan dedikasi kami untuk menyampaikan nilai dan kualiti kepada komuniti. Bersama-sama, kami memberi impak yang signifikan dalam usaha menyediakan kediaman mampu milik dan berkualiti tinggi untuk semua"

YAB Dato' Seri Amirudin menegaskan komitmen berterusan Kerajaan Negeri Selangor dalam meningkatkan kesejahteraan rakyat menerusi kediaman yang berkualiti, selesa dan dilengkapi dengan kemudahan asas yang diperlukan. Beliau turut menyatakan keyakinan terhadap projek Rumah Idaman BSP serta projek-projek Rumah Idaman MBI yang lain, dengan menekankan bahawa lokasi yang strategik dan harga mampu milik, digabungkan dengan penyertaan peralatan asas, mampu meningkatkan kualiti hidup rakyat Selangor

## **UNTUK SIARAN SEGERA**

secara menyeluruh.

-Tamat-

### **Mengenai Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) - [www.pnsb.com.my](http://www.pnsb.com.my)**

Permodalan Negeri Selangor Berhad, atau lebih dikenali sebagai PNSB, adalah anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor di bawah pengawasan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI.

Sebagai organisasi subsidiari Kerajaan Negeri Selangor, PNSB memberi tumpuan kepada pembangunan harta tanah sebagai perniagaan terasnya, dengan membangunkan harta tanah kediaman dan komersial serta kawasan perumahan dan bandar yang mampu dan mampu milik di Selangor dan Lembah Klang.

Melalui anak syarikatnya, PNSB menawarkan perkhidmatan insurans melalui PNSB Insurance Brokers Sdn. Bhd. (PIBSB), perkhidmatan perundingan pengurusan projek melalui PNSB Management Consultancy Sdn. Bhd. (PMC), aktiviti perlombongan melalui PNSB Trading Sdn. Bhd. (PTSB), dan perkhidmatan penerokaan aeronautik melalui PNSB Aero Frontier Sdn. Bhd. Sementara itu, dalam sektor harta tanah, ia menerajui usaha pembangunan harta tanah untuk perumahan mampu milik di bawah skim 'Projek Rumah Idaman' melalui anak syarikatnya, PNSB Construction Sdn. Bhd. (PCSB). Dengan misinya untuk mempelbagaikan perniagaan, PNSB telah menubuhkan PNSB Investment Venture Sdn. Bhd. (PIV) untuk menerajui usahanya dalam ruang Modal Teroka.

PNSB juga memainkan peranan penting dalam melaksanakan tanggungjawab sosial korporat kerana ia merupakan anak Syarikat Kerajaan yang mempunyai kesedaran memainkan peranan aktif dalam tanggungjawab sosial korporat (CSR) bagi pihak kerajaan negeri Selangor dan PNSB sendiri.

### **Mengenai MGB Berhad**

Ditubuhkan pada 2007, MGB Berhad ("MGB") telah berkembang menjadi syarikat pembinaan serta penyedia solusi perkhidmatan dan pembangunan harta tanah dengan perhatian utama memfokuskan kepada penyelesaian kepada penyediaan pembinaan yang lebih efisien serta kos efektif yang merangkumi kepelbagaiannya industri, terutamanya pasaran pembinaan secara meluas dan ruang kediaman mampu milik bagi gaya hidup rakyat Malaysia.

Melalui anak-anak syarikatnya, MGB menyediakan kapasiti penuh reka bentuk, pembinaan serta perkhidmatan pembangunan termasuk mereka bentuk, membina, pengurusan projek, kejuruteraan sivil, kejuruteraan nilai, kepakaran geoteknikal serta pengeluaran Sistem Konkrit Tetuang (IBS).

Dengan rekod cemerlang selama 15 tahun di dalam bidang pembinaan residensi, komersial serta bangunan industri dan kerja-kerja infrastruktur, MGB berdiri kukuh di samping berjaya menyiapkan lebih dari sebanyak 29,000-unit harta tanah, terutamanya di segmen kediaman mampu milik. MGB juga telah berjaya menyiapkan 12,000 buah rumah dengan menggunakan teknologi IBS.

Untuk keterangan lanjut, layari [www.mqbgroup.com.my](http://www.mqbgroup.com.my).

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

**Jabatan Komunikasi Korporat  
Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)  
Emel: [pr@pnsb.com.my](mailto:pr@pnsb.com.my)**

**Jabatan Komunikasi Korporat LBS Bina Group Berhad  
Emel: [media@lbs.com.my](mailto:media@lbs.com.my)**